Pulau Pinang / Penang

P.U. (A) 213.

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

KAEDAH-KAEDAH PELABUHAN PULAU PINANG (NAVIGASI DALAM KAWASAN JAMBATAN) 1986

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 445 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut: *70/52.*

Nama.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pelabuhan Pulau Pinang (Navigasi dalam Kawasan Jambatan) 1986.**

Pemakaian.

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua vesel dalam kawasan terhad Jambatan Pulau Pinang kecuali vesel kepunyaan Kerajaan Malaysia yang digunakan bukan bagi maksud perdagangan, vesel kepunyaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan lain-lain vesel dan kelas vesel yang dikecualikan oleh perintah Menteri. Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian bagi Kaedah-Kaedah Pelabuhan (Pulau Pinang) 1953 atau Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953.

P.U. 304/53.
P.U. 92/53.

Tafsiran.

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

"F.R.T." ertinya frekuensi radio tertinggi;

"jambatan" ertinya jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung Malaysia;

"kawalan pelabuhan" ertinya kawalan dan pusat perhubungan yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;

"kawasan terhad" ertinya perairan tertutup dalam koordinat bermula daripada suatu kedudukan di Pulau Pinang di Garisan Lintang 5° 22′ 10″ Utara, Garisan Bujur 100° 18′ 57″ Timur; dan dari situ ke timur ke suatu kedudukan di Garisan Lintang 5° 22′ 11″ Utara, Garisan Bujur 100° 21′ 10″ Timur; dan dari situ ke timur selatan ke suatu kedudukan di Garisan Lintang 5° 21′ 51″ Utara, Garisan Bujur 100° 21′ 37″ Timur; dan dari situ ke timur ke suatu kedudukan di Garisan Lintang 5° 21′ 51″ Utara, Garisan Bujur 100° 22′ 54″ Timur dan dari situ di sepanjang garis pantai Butterworth ke arah timur selatan ke suatu kedudukan di Garisan Lintang 5° 20′ 59″ Utara, Garisan Bujur 100° 23′ 42″ Timur; dan dari situ ke arah selatan ke suatu kedudukan Garisan Lintang 5° 20′ 32″ Utara, Garisan Bujur 100° 23′ 42″ Timur; dan dari situ ke arah barat ke suatu kedudukan di Garisan Lintang 5° 20′ 22″ Utara, Garisan Bujur 100° 22′ 00″ Timur; dan dari situ ke arah barat ke suatu kedudukan di Garisan Lintang 5° 20′ 31″ Utara, Garisan Bujur 100° 18′ 28″ Timur; dan dari situ di sepanjang pantai ke arah utara ke titik permulaan;

"Ketua Pegawai Laut" ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955; dan termasuklah mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa untuk bertindak baginya; *Akta 140.*

"panjang" ertinya panjang maksimum sesuatu vesel;

"pelabuhan" ertinya pelabuhan Pulau Pinang;

"petroleum Kelas I" hendaklah mempunyai makna yang diberi kepadanya di dalam Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984; *Akta 302.*

"Pertubuhan Kelautan Antarabangsa" ertinya pertubuhan yang dahulunya dikenali sebagai Pertubuhan Perundingan Kelautan Antara Kerajaan yang ditubuhkan oleh konvensyen dalam Pertubuhan Perundingan Kelautan Antara Kerajaan 1948;

"rentang ruang tengah" ertinya rentang ruang di bawah jambatan di mana terdapat perlepasan tinggi maksimum;

"tan" ertinya berat kasar didaftarkan; dan

"tinggi" ertinya ketinggian maksimum rangkabinaan vesel dan hendaklah meliputi apa-apa juluran di atas garisan air.

Kebenaran memasuki kawasan terhad.

4. Tiada vesel yang lebih daripada lima meter tinggi atau lebih daripada tiga puluh meter panjang boleh memasuki kawasan terhad tanpa memperolehi terlebih dahulu kebenaran bertulis pegawai pelabuhan.

Sijil ukuran tinggi.

5. (1) Tiada vesel yang lebih daripada lima meter tinggi boleh dibenarkan memasuki kawasan terhad tanpa suatu sijil sah ukuran tinggi yang dikeluarkan oleh Pemeriksa Kapal atau mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Ketua Pemeriksa Kapal.

(2) Sijil ukuran tinggi hendaklah menunjukkan tinggi vesel daripada lunas ke titik tertinggi rangkabinaan kapal termasuk apa-apa juluran.

(3) Sijil ukuran tinggi itu hendaklah disimpan di atas kapal dan ditunjukkan apabila dikehendaki kepada pegawai pelabuhan atau mana-mana pilot yang diambilkerja oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Navigasi dalam kawasan terhad.

6. (1) Tiada vesel boleh berlabuh, ditambat kepada apa-apa binaan atau dikandaskan dalam kawasan terhad melainkan dibenarkan oleh pegawai pelabuhan.

(2) Sesuatu vesel yang membawa petroleum Kelas I, gas cair atau bahan kimia beracun secara pukal dan vesel petroleum pukal yang dahulunya membawa petroleum Kelas I dan belum dibebaskan daripada gas adalah dilarang memasuki kawasan terhad itu. Vesel yang hanya digunakan bagi perniagaan bahan bakar di dalam kawasan labuhan pelabuhan adalah dikecualikan daripada kaedah ini.

(3) Sesuatu vesel yang membawa barang-barang yang terkelas sebagai barang-barang berbahaya Kelas I oleh Pertubuhan Kelautan Antarabangsa seperti disiarkan dalam Kod Kelautan Antarabangsa Barang-Barang Berbahaya adalah dilarang memasuki kawasan terhad itu melainkan dibenarkan oleh pegawai pelabuhan.

(4) Tiada vesel boleh digunakan bagi mengorek atau menggali apa-apa bahan atau apa-apa kerja lain yang mungkin mengacau dasar laut di dalam kawasan terhad melainkan dibenarkan oleh pegawai pelabuhan.

Vesel pengawal di kawasan terhad.

7. Pegawai pelabuhan boleh menghendaki sesuatu vesel diiringi oleh kapal tunda yang diluluskan oleh pegawai pelabuhan apabila menavigasi dalam kawasan terhad.

Menutup kawasan terhad bagi navigasi.

8. Pegawai pelabuhan boleh, setelah berunding dengan Ketua Pegawai Laut dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Laut mengisytiharkan semua atau mana-mana bahagian kawasan terhad itu ditutup bagi navigasi.

Pemberitahuan pergerakan.

9. Tiap-tiap vesel yang beratnya dua ratus tan dan lebih yang bercadang memasuki kawasan terhad hendaklah memberitahu kawalan pelabuhan dengan F.R.T. saluran 12 atau mana-mana saluran lain yang ditetapkan oleh pegawai pelabuhan apabila melalui—

(*a*) abeam dengan hujung selatan Pulau Jerjak apabila mengarah ke dalam daripada selatan; dan

(*b*) abeam dengan Boya Spithead apabila mengarah keluar ke selatan.

Vesel yang hanya tingginya tertentu boleh lalu di bawah jambatan.

10. (1) Tiada vesel yang lebih daripada dua puluh meter tinggi boleh lalu di bawah jambatan.

(2) Vesel yang kurang daripada lima meter tinggi boleh lalu di bawah jambatan di tempat-tempat tertentu seperti yang ditetapkan oleh pegawai pelabuhan.

Vesel yang lima meter atau lebih tingginya hendaklah membuat perakuan tentang tingginya.

11. (1) Tuan punya, nakhoda atau ejen tiap-tiap vesel yang lima meter dan lebih tinggi yang bercadang lalu di bawah jambatan hendaklah membuat perakuan bertulis, dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual, kepada pegawai pelabuhan dengan satu salinan kepada Ketua Pegawai Laut sekurang-kurangnya dua belas jam sebelum masa yang dicadang untuk lalu.

(2) Pegawai pelabuhan boleh, jika difikirkannya patut enggan memberi kebenaran kepada mana-mana vesel lalu di bawah jambatan.

Manuver di bawah jambatan.

12. (1) Laluan vesel melalui rentang tengah jambatan hendaklah dengan satu garisan lalulintas sahaja dan tiap-tiap vesel yang melawan arus air pasang surut hendaklah memberi jalan kepada sesuatu vesel yang mengikut arus air pasang surut.

(2) Sesuatu vesel yang menavigasi tanpa pilot tidak boleh menghalang navigasi sesuatu vesel yang mempunyai pilot.

JADUAL

(Kaedah II)

Perakuan untuk Lalu di bawah Jambatan

Pegawai Pelabuhan,
Pelabuhan Pulau Pinang.

Saya, yang bertandatangan di bawah ini *tuan punya/nakhoda/ejen.....
didaftarkan di.....(pelabuhan).....
(negeri) (T.B.K.).....
(panjang).....(lebar).....
dengan ini memberi notis untuk transit di bawah jambatan *masuk/keluar pada.....(tarikh) pada .....jam.

Saya dengan ini mengaku bahawa tinggi kapal atas garisan air ialah †.....meter seperti ditentukan daripada titik berikut:

Tinggi daripada lunas ke titik rangkabinaan tertinggi atau jaluran (daripada sijil tinggi)

Nombor giliran ukuran..... .....meter

Drauf paling cetek vesel..... .....meter

†Tinggi vesel atas garisan air..... —————meter

Saya selanjutnya memperakukan bahawa vesel saya—

(1) tidak membawa petroleum Kelas I, gas cair atau bahan kimia beracun secara pukal;

(2) telah bebas daripada gas (Perakuan No.....) (terpakai kepada vesel petroleum pukal yang kosong yang terdahulunya telah membawa petroleum Kelas I sahaja); dan

(3) tidak membawa apa-apa barang yang terkelas sebagai barang-barang Kelas I yang disiarkan dalam Kod Kelautan Antarabangsa Barang-Barang Berbahaya.

....
Tarikh *Tandatangan *Tuan Punya/Nakhoda/Ejen dan Cap Rasmi*

s.k.:

Ketua Pegawai Laut,
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

* Potong yang tidak berkenaan.

† Tidak boleh melebihi 28 meter.

Diperbuat pada 11hb Jun 1986.
[KP/JL/O. 241/1 Jd. 2; PN. (PU²) 199/IX.]

DATO' DR LING LIONG SIK,
Menteri Pengangkutan

(Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat di bawah subseksyen (2) seksyen 518 Ordinan Perkapalan Dagang 1952.)

MERCHANT SHIPPING ORDINANCE 1952

PENANG PORT (NAVIGATION WITHIN THE AREA OF THE BRIDGE) RULES 1986

IN exercise of the powers conferred by subsection (1) of section 445 of the Merchant Shipping Ordinance 1952, the Minister hereby makes the following rules: *70/52.*

Citation.

1. These rules may be cited as the **Penang Port (Navigation Within the Area of the Bridge) Rules 1986.**

Application.

2. These Rules shall apply to all vessels within the restricted area of the Penang Bridge except for vessels belonging to the Government of Malaysia used for non-commercial purposes, vessels belonging to the Penang Port Commission and any other vessel or class of vessels exempted by order of the Minister. These Rules shall be in addition to and not in substitution for the Port (Penang) Rules 1953 or the Federation Port Rules 1953. *L.N. 304/53. L.N. 92/53.*

Interpretation

3. In these Rules, unless the context otherwise requires—

"bridge" means the bridge linking Penang Island to mainland Peninsular Malaysia;

"Chief Marine Officer" means the officer appointed under subsection (1) of section 18 of the Penang Port Commission Act 1955, and includes any other officer authorised in writing to act on his behalf; *Act 140.*

"Class I petroleum" shall have the meaning assigned to it in the Petroleum (Safety Measures) Act 1984; *Act 302.*

"height" means the maximum height of a vessel's structure and shall include any protrusion above the waterline;

"International Maritime Organisation" means the organisation formerly known as the Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation established by the convention in the Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation 1948;

"length" means the maximum length of a vessel;

"middle span" means the span beneath the bridge where maximum height clearance is available;

"port" means the port of Penang;

"port control" means the control and communication centre established by the Penang Port Commission;

"restricted area" means the waters enclosed within the co-ordinates commencing from a position on the Penang Island at Lat. 5° 22′ 10″ North, Long. 100° 18′ 57″ East; thence easterly to a position Lat. 5° 22′ 11″ North, Long. 100° 21′ 10″ East; thence southeasterly to a position Lat. 5° 21′ 51″ North, Long. 100° 21′ 37″ East; thence easterly to a position Lat. 5° 21′ 51″ North, Long. 100° 22′ 54″ East; thence along the Butterworth coastline in the southeasterly direction to a position Lat. 5° 20′ 59″ North, Long. 100° 23′ 42″ East; thence southerly to a position Lat. 5° 20′ 32″ North, Long. 100° 23′ 42″ East; thence in westerly direction to a position Lat. 5° 20′ 22″ North, Long. 100° 22′ 00″ East; thence in westerly direction to a position Lat. 5° 20′ 31″ North, Long. 100° 18′ 28″ East; thence along the coast in the northerly direction to the point of commencement;

"tons" means gross registered tonnage; and

"V.H.F." means very high frequency radio.

Permission to enter restricted area.

4. No vessel of more than five metres in height or more than thirty metres in length shall enter the restricted area without obtaining the prior written permission of the port officer.

Certificate of height measurement.

5. (1) No vessel of more than five metres in height shall be permitted to enter the restricted area without a valid certificate of height measurement issued by the Surveyor of Ships or any person authorised by the Surveyor-General of Ships.

(2) The certificate of height measurement shall show the height of the vessel from the keel to the highest point of the vessel's structure including any protrusion.

(3) The certificate of height measurement shall be kept on board and be shown on demand to the port officer or any pilot employed by the Penang Port Commission.

Navigation within the restricted area.

6. (1) No vessel shall anchor, be made fast to any structure or beached within the restricted area unless permitted by the port officer.

(2) A vessel which is carrying Class I petroleum, liquefied gas or toxic chemical in bulk and bulk petroleum vessels which have previously carried Class I petroleum and have not been gas freed are prohibited to enter the restricted area. Vessels engaged in the bunkering trade operating solely within the harbour limit of the port are exempted from this rule.

(3) A vessel which is carrying goods classified as Class I dangerous goods by the International Maritime Organisation as published in the International Maritime Dangerous Goods Code is prohibited to enter the restricted area unless permitted by the port officer.

(4) No vessel shall engage in the dredging or excavation of any material or any other works that may disturb the sea bottom in the restricted area unless permitted by the port officer.

Escort vessels in restricted area.

7. The port officer may require that a vessel be accompanied by tugs as approved by the port officer when navigating within the restricted area.

Closure of restricted area for navigation.

8. The port officer may, upon consultation with the Chief Marine Officer and subject to the approval of the Director of Marine declare all or any part of the restricted area be closed for navigation.

Notification of movements.

9. Every vessel of two hundred tons and above which intends to enter the restricted area shall notify the port control on V.H.F. channel 12 or any other channel as prescribed by the port officer when passing—

(*a*) abeam of the southern tip of Pulau Jerjak when inward bound from the south; and

(*b*) abeam of Spithead Buoy when outward bound to the south.

Vessels of certain heights only can pass beneath the bridge.

10. (1) No vessel of more than twenty eight metres in height shall pass beneath the bridge.

(2) Vessels of less than five metres in height may pass beneath the bridge at designated places as prescribed by the port officer.

Vessels of five metres or more in height to make declaration as to height.

11. (1) The owner, master or agent of every vessel of five metres and above in height intending to pass beneath the bridge shall make a written declaration, in the form prescribed in the Schedule, to the port officer with a copy to the Chief Marine Officer at least twelve hours prior to the proposed time of passage.

(2) The port officer may, if he deems fit, refuse permission to any vessel to pass beneath the bridge.

Manoeuvring beneath the bridge.

12. (1) Passage of vessels through the middle span of the bridge shall be in single line traffic only and every vessel that is stemming the tide shall give way to a vessel that is going with the tide.

(2) A vessel which is navigating without a pilot on board shall not impede the navigation of a vessel with a pilot on board.

SCHEDULE

(Rule II)

Declaration to Pass Beneath the Bridge

The Port Officer,
Penang Port.

I, the undersigned, *owner/master/agent of.....
.....registered at.....
.....(port).....
(country).....(G.R.T.).....
(length).....(breadth).....
hereby give notice to transit under the bridge *inward/outward on.....(date) at.....hours.

I hereby declare that the height of the ship above waterline is †.....metres as determined from the following points:

Height from keel to highest point of structure or protrusion (from certificate of height)

Measurement serial No..... .....metres

Vessel's lightest draft..... .....metres

†Height of vessel above water-line..... _____metres

I further declare that my vessel is—

(1) not carrying in bulk Class I petroleum, liquefied gas or toxic chemicals;

(2) gas free (Cert. No.....) (applicable to empty bulk petroleum vessels which have previously carried Class I petroleum only); and

(3) not carrying any goods classified as Class I goods as published in the International Maritime Dangerous Goods Code.

....

Date *Signature of *Owner/Master/Agent and Official Stamp*

c.c.:

The Chief Marine Officer,
Penang Port Commission.

* Delete where inapplicable.

† Not to exceed 28 metres.

Made the 11th June, 1986.
[KP/JL/O. 241/1 Jd. 2; PN. (PU²) 199/IX.]

DATO' DR LING LIONG SIK,
Minister of Transport

(To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection (2) of section 518 of the Merchant Shipping Ordinance 1952.)

MELAKA / MALACCA

P.U. (A) 283.

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

KAEDAH-KAEDAH PELABUHAN (MELAKA) 1983

70/52. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 244 (1) dan seksyen 445 (1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama. P.U. 92/53. 1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pelabuhan (Melaka) 1983** dan adalah sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai menggantikan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953.

Tempat Berlabuh Bahan Letupan dan Petroleum Berbahaya. 2. Tempat berlabuh bagi vesel-vesel yang memuat atau bermuat dengan bahan letupan atau membawa petroleum berbahaya (suhunyala di bawah 22.8°C (73°F) hendaklah terbendung dalam kawasan yang disempadani oleh garis-garis anggapan yang berikut:

Suatu garis yang dilukis dari hujung selatan Pulau Upeh ke arah selatan ke suatu tempat Garis Lintang 02° 10.50′ Utara, Garis Bujur 102° 12.00′ Timur, dari situ ke barat daya ke suatu tempat Garis Lintang 02° 11.25′ Utara, Garis Bujur 102° 11.00′ Timur, dari situ ke arah utara timur laut ke suatu tempat Garis Lintang 02° 12.10′ Utara, Garis Bujur 102° 11.24′ Timur, dari situ berbalik ke hujung selatan Pulau Upeh.

Tempat Berlabuh Kuarantin. 3. Tempat berlabuh kuarantin hendaklah terbendung dalam kawasan yang disempadani oleh garis-garis anggapan yang berikut:

Suatu garis yang dilukis dari Tanjung Lereh ke suatu tempat Garis Lintang 02° 12.19′ Utara, Garis Bujur 102° 09.71′ Timur, dari situ ke arah tenggara ke suatu tempat Garis Lintang 02° 11.25′ Utara, Garis Bujur 102° 11.00′ Timur, dari situ ke arah utara timur laut ke suatu tempat Garis Lintang 02° 12.10′ Utara, Garis Bujur 102° 11.24′ Timur, dari situ berbalik ke Tanjung Lereh.

Tempat Berlabuh Larangan. 4. Berlabuh adalah dilarang di sebelah luar Jeti Tanjung Beruas. Tempat berlabuh Larangan hendaklah terbendung dalam kawasan yang disempadani oleh garis-garis anggapan yang berikut:

Suatu garis yang dilukis, dari pantai ke tempat Garis Lintang 02° 13.66′ Utara, Garis Bujur 102° 09.02′ Timur ke suatu tempat Garis Lintang 02° 12.87′ Utara, Garis Bujur 102° 08.52′ Timur, dari situ ke suatu tempat Garis Lintang 02° 12.13′ Utara, Garis Bujur 102° 09.25′ Timur, dari situ ke suatu tempat Garis Lintang 02° 12.19′ Utara, Garis Bujur 102° 09.71′ Timur, dari situ ke pantai di Tanjung Lereh.

Tempat penumpang-penumpang dsb. naik, turun. 5. (1) Semua orang yang menaiki atau mendarat dari kapal di dalam atau di luar had Pelabuhan Melaka sama ada sebagai penumpang, krew atau pemunggah, hendaklah berbuat demikian sama ada di Jeti Tanjung Bruas, atau di jeti konkrit awam, yang dibina dan dimiliki oleh Kerajaan Negeri Melaka, yang terletak di tebing timur sungai Melaka berhampiran dengan bangunan pejabat-pejabat pelabuhan (kemudian daripada ini disebut "Jeti Kerajaan Negeri").

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan didenda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit.

Vesel-vesel tidak dibenarkan berada di sisi Jeti Kerajaan Negeri.

6. Tiada satu pun vesel boleh berada di sisi Jeti Kerajaan melainkan bagi maksud menaikkan atau mendaratkan penumpang-penumpang, krew atau pemuat atau pemunggah kapal.

Larangan merokok, dsb.

7. Tiada seorang pun boleh merokok, atau menyalakan atau mendedahkan apa-apa api tak bertutup—

(*a*) di dalam atau berhampiran dengan mana-mana lubang peraka yang terbuka atau separuh terbuka, atau berhampiran dengan ruang muatan, mana-mana vesel;

(*b*) di dalam atau di luar mana-mana premis di mana tanda "Dilarang Merokok" di pamerkan; atau

(*c*) di atas vesel atau di atas jeti, di mana kerja memuat atau memunggah petroleum atau mana-mana barang berbahaya atau mudah terbakar sedang dijalankan.

Larangan menggunakan wisel atau sairen.

8. Tiada seorang pun pemunya atau nakhoda mana-mana vesel boleh membenarkan penggunaan wisel, sairen atau apa-apa alat yang serupa dengannya semasa vesel tertambat di Jeti Tanjung Bruas atau di mana-mana tambatan atau tempat berlabuh lain dalam had Pelabuhan Melaka, kecuali jika berlaku bahaya kepada nyawa atau harta.

Larangan menguji enjin.

9. Tiada seorang pun boleh menguji enjin mana-mana vesel yang tertambat di Jeti Tanjung Bruas atau di Jeti Kerajaan Negeri, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Pegawai Pelabuhan.

Memuat dan memunggahkan senjatapi atau bahan letupan, dsb.

10. Pemunya vesel atau wakilnya sebelum memuat atau memunggah apa-apa senjata, peluru, bahan letupan atau kargo berbahaya lain dalam had Pelabuhan Melaka, hendaklah terlebih dahulu memberi notis secara bertulis kepada Pegawai Pelabuhan dengan memberi butir-butir penuh mengenai orang-orang yang mengimport atau mengeksport barang-barang itu, mengikut mana yang berkenaan. Mana-mana undang-undang, peraturan dan tata amalan berhubungan dengan pengangkutan, penstoran, pengendalian iaitu pemilikan barang-barang itu hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Bersedia untuk memindahkan vesel dengan notis singkat masa.

11. Tiap-tiap vesel yang berada di sisi jeti, dermaga atau pier hendaklah disenggara dan bersiap-sedia dengan krewnya pada setiap masa dalam keadaan sedemikian bagi membolehkannya belayar dengan selamat meninggalkan jeti, dermaga atau pier itu dengan notis singkat masa apabila dikehendaki atau apabila diarahkan sedemikian oleh Pegawai Pelabuhan.

Penglepasan sampah, kotoran, dsb. adalah dilarang.

12. Tiada apa pun sampah, kotoran, najis atau lain-lain bahan buangan boleh dilepaskan dari sesuatu vesel melalui sesuatu paip penglepasan, lubang erong, jamban pam atau tandas atau cara-cara lain, ke atas sesuatu jeti, dermaga atau pier.

Pemansuhan. *P.U. (A) 348/81.*

13. Kaedah-kaedah Pelabuhan (Melaka) 1981 adalah dimansuhkan.

Diperbuat pada 23hb Jun 1983.
[KP/JL/O. 241/1; PN. (PU²) 199-IV.]

TAN SRI CHONG HON NYAN,
Menteri Pengangkutan

(*Akan dibentang di Dewan Rakyat di bawah seksyen 518 (2) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.*)

Setiausaha Dewan Rakyat.

MERCHANT SHIPPING ORDINANCE 1952

PORT (MALACCA) RULES 1983

70/52. IN exercise of the powers conferred by section 244 (1) and section 445 (1) of the Merchant Shipping Ordinance 1952, the Minister makes the following rules:

Citation. L.N. 92/53. 1. These Rules may be cited as the **Port (Malacca) Rules 1983** and shall be in addition to and not in substitution for the Federation Port Rules 1953.

Explosives and Dangerous Petroleum Anchorage. 2. The anchorage for vessels loading or loaded with explosives or carrying dangerous petroleum (flash point below 22.8°C (73°F)) shall be contained within the area bounded by the following imaginary lines:

A line drawn from the southern tip of Pulau Upeh southwards to a position Latitude 02° 10.50′ North, Longitude 102° 12.00′ East, thence north-westerly to a position Latitude 02° 11.25′ North, Longitude 102° 11.00′ East, thence north-north-easterly to a position Latitude 02° 12.10′ North, Longitude 102° 11.24′ East, thence back to the southern tip of Pulau Upeh.

Quarantine Anchorage. 3. The Quarantine Anchorage shall be contained within the area bounded by the following imaginary lines:

A line drawn from Tanjong Lereh to a position Latitude 02° 12.19′ North, Longitude 102° 09.71′ East, thence south-easterly to a position Latitude 02° 11.25′ North, Longitude 102° 11.00′ East, thence north-north-easterly to a position Latitude 02° 12.10′ North, Longitude 102° 11.24′ East, thence back to Tanjong Lereh.

Prohibited Anchorage. 4. Anchorage is prohibited off the Tanjong Bruas Jetty. The Prohibited Anchorage shall be contained within the area bounded by the following imaginary lines:

A line drawn from the shore at position Latitude 02° 13.66′ North, Longitude 102° 09.02′ East to a position Latitude 02° 12.87′ North, Longitude 102° 08.52′ East, thence to a position Latitude 02° 12.13′ North, Longitude 102° 09.25′ East, thence to a position Latitude 02° 12.19′ North, Longitude 102° 09.71′ East, thence to the shore at Tanjong Lereh.

Places for passengers, etc., to embark, disembark. 5. (1) All persons embarking or landing from ships within or without the limits of Malacca Port whether as passengers, crew or stevedores, shall do so either at the Tanjong Bruas Jetty or at the concrete public jetty, built by and belonging to the State Government of Malacca, situated on the east bank of the Malacca River near the port offices building (herein after referred to as "the State Government Jetty").

(2) Any person who contravenes paragraph (1) commits an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding two hundred and fifty ringgit.

Vessels not to lie alongside the State Government Jetty.

6. No vessel shall lie alongside the State Government Jetty except for the purposes of embarking or disembarking passengers, crew or stevedores.

Prohibition of smoking, etc.

7. No person shall smoke, or create or display any naked light—

(*a*) in or near any open or partially open hatchway, or near to the hold, of any vessel;

(*b*) within or without any premises where a "No Smoking" sign is displayed; or

(*c*) on board a vessel or on a jetty, where the loading or discharging of petroleum or any dangerous or inflammable goods is being carried out.

Prohibition of use of whistles or sirens.

8. No owner or master of any vessel shall permit the use of the whistle, siren or any other like instrument while the vessel is berthed at the Tanjong Bruas Jetty or at any other berth or anchorage within the limits of the Malacca Port, except in the case of danger to life or property.

Prohibition of trial of engines.

9. No person shall try the engine of any vessels which is berthed at the Tanjung Bruas Jetty or at the State Government Jetty, unless permitted to do so in writing by the Port Officer.

Loading and discharging of firearms or explosives, etc.

10. The owner of a vessel or his representative shall, before loading or discharging any arms, ammunitions, explosives or other dangerous cargo within the limits of Malacca Port, give prior written notice to the Port Officer giving full particulars of persons importing or exporting, as the case may be, of such goods. Any laws, regulations or codes of practice relating to the transportation, storage, handling or possession of such goods shall be fully complied with.

Readiness to move vessels at short notice.

11. Every vessel lying alongside a jetty, wharf or pier shall be maintained and manned at all time in such condition as to permit her to safely sail out from the jetty, wharf or pier at short notice when required or when so directed by the Port Officer.

Discharge of refuse, filth, etc. prohibited.

12. No refuse, filth, excreta or other waste material shall be discharged from any vessel via any discharge pipe, scupper, water closet or latrine or other means, onto any jetty, wharf or pier.

Repeal. *P.U. (A) 348/81.*

13. The Port (Malacca) Rules 1981 is repealed.

Made the 23rd June 1983.
[KP/JL/O. 241/1; PN. (PU²) 199-IV.]

TAN SRI CHONG HON NYAN,
Minister of Transport

(*To be laid before the House of Representatives under section 518 (2) of the Merchant Shipping Ordinance 1952.*)

KEDAH

MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 28
No. 23

25hb Oktober 1984

TAMBAHAN No. 67
PERUNDANGAN (A)

DITERIMA
18 DEC 1984
PENGARAH LAUT
SEMENANJUNG
MALAYSIA

P.U. (A) 389.

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

KAEDAH-KAEDAH PELABUHAN KEDAH 1984

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan pemakaian.
2. Pemberian tempat tambatan kapal.
3. Larangan menguji enjin kuasa penggerak utama atau menggerakkan kipas kapal.
4. Vesel tidak boleh ditinggalkan.
5. Penyerahan dokumen-dokumen.
6. Pengisytiharan pengangkat berat.
7. Larangan merokok, dll.
8. Pemindahan dari kapal ke kapal.
9. Meletak kenderaan.
10. Kenderaan di pelabuhan.
11. Perlindungan bagi dermaga, jeti atau tempat pendaratan.
12. Kelayakan pekerja di pelabuhan.
13. Dius pelabuhan.

Kaedah

14. Penundaan tongkang dan bantuan kapal tunda dan fee yang patut dikenakan.
15. Dius kiratan.
16. Fee berikutnya selepas 36 jam.
17. Kuasa menahan dan menjual.
18. Kuasa untuk melelong barang-barang.
19. Bekalan air tawar.
20. Caj pembuangan sampah.
21. Perkhidmatan penambatan dan fee yang patut dikenakan.
22. Vesel melabuh tunggu dan dius.
23. Tempat berlabuh.
24. Pemansuhan.

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

KAEDAH-KAEDAH PELABUHAN KEDAH 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 445 dan subseksyen (1) seksyen 244 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut: *70/52.*

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pelabuhan Kedah 1984,** dan hendaklah, kecuali diperuntukkan sebaliknya, terpakai kepada tiap-tiap pelabuhan di Negeri Kedah, dan adalah sebagai tambahan kepada dan bukan menggantikan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953. *P.U. 92/53.* Nama dan pemakaian.

2. (1) Pemberian tempat tambatan kapal yang di bawah jagaan Jabatan Laut hendaklah sebagai suatu kaedah am, di atas dasar yang datang dahulu akan dapat perkhidmatan dahulu, tetapi Pegawai Pelabuhan adalah diberikuasa untuk memberikan tempat tambatan kapal mengikut budibicaranya dengan menimbang hal keadaan kes itu. Pemberian tempat tambatan kapal.

(2) Pegawai Pelabuhan boleh menghendaki sesuatu vesel itu meninggalkan mana-mana tempat tambatan kapal di bawah perenggan (1) setelah selesai kerja-kerja memuat atau memunggah kargo atau menaikkan atau menurunkan penumpang-penumpang atau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang untuknya vesel itu digunakan setelah tamat tempoh masa yang diuntukkan bagi penambatan, atau jika vesel itu tidak ada apa-apa tugas lagi.

(3) Vesel-vesel yang telah diarah meninggalkan sesuatu tempat tambatan kapal di bawah perenggan (2) bolehlah meneruskan memuat atau menurunkan penumpang-penumpang atau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang untuknya vesel itu digunakan di tempat berlabuh dengan syarat bahawa operasi-operasi sedemikian hendaklah dijalankan pada suatu jarak tidak kurang dari 30 meter dari tempat tambatan kapal atau pada suatu jarak seperti yang ditentukan oleh Pegawai Pelabuhan.

(4) Bagi maksud keselamatan Pegawai Pelabuhan boleh mengarahkan sesuatu vesel itu meninggalkan mana-mana tempat tambatan kapal atau tempat berlabuh pada bila-bila masa yang difikirkannya patut.

3. (1) Tiada seorang pun yang boleh menguji enjin kuasa penggerak utama atau menggerakkan kipas kapal, selain dari untuk belayar segera, tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Pegawai Pelabuhan. Larangan menguji enjin kuasa penggerak utama atau menggerakkan kipas kapal.

(2) Nakhoda atau empunya sesuatu vesel hendaklah bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan yang boleh terjadi dari pengujian enjin kuasa penggerak utama atau penggerakan kipas kapal sama ada kebenaran telah diberi atau tidak oleh Pegawai Pelabuhan.

4. (1) Nakhoda atau empunya vesel tidak boleh membenarkan vesel mereka ditinggalkan semasa berada di pelabuhan tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Pegawai Pelabuhan. Vesel tidak boleh ditinggalkan.

(2) Bagi maksud-maksud kaedah ini, meninggalkan sesuatu vesel termasuklah—

(*a*) menjalankan kerja-kerja membaiki enjin atau badan sesuatu vesel;

(*b*) tidak mempunyai minyak, air tawar ataupun bekalan barang-barang yang cukup di atas kapal;

(*c*) tidak mempunyai tenaga kerja yang cukup di atas kapal; atau

(*d*) menjalankan apa-apa operasi di atas kapal,

yang boleh menyebabkan sesuatu vesel itu tidak boleh belayar dengan selamat meninggalkan jeti, dermaga, pier atau tempat berlabuh dalam masa yang singkat apabila diarahkan sedemikian oleh Pegawai Pelabuhan.

Penyerahan dokumen-dokumen.

5. Nakhoda atau empunya setiap vesel hendaklah menyerahkan dokumen-dokumen tertentu yang mengandungi butir-butir seperti yang dikehendaki oleh Pegawai Pelabuhan berhubungan dengan menaik atau menurunkan penumpang-penumpang, memuat, memunggah atau memindahkan kargo dan bekalan barang-barang dari vesel, atau berhubungan dengan pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti yang dimaksudkan oleh vesel itu, dan dokumen-dokumen tersebut hendaklah disampaikan kepada pejabat Pegawai Pelabuhan sebelum kerja-kerja memuat atau memunggah ataupun pelaksanaan perkhidmatan yang dimaksudkan dan sebelum belayarnya vesel itu dalam hal yang berkaitan dengan pemindahan kargo atau bekalan barang-barang.

Pengisytiharan pengangkat berat.

6. (1) Nakhoda atau empunya setiap vesel yang hendak memuat atau memunggah apa-apa pengangkat berat di mana-mana jeti, dermaga atau pier hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Pegawai Pelabuhan sebelum kerja-kerja memuat atau memunggah itu dilakukan.

(2) Bagi maksud-maksud kaedah ini, apa-apa pengangkat yang setiap satunya melebihi 5,000 kilogram beratnya hendaklah disifatkan suatu pengangkat berat.

Larangan merokok, dll.

7. Tiada seorang pun boleh merokok, menyala atau mendedahkan apa-apa api tak bertutup—

(*a*) di dalam atau berhampiran dengan mana-mana jalan hac yang terbuka atau separuh terbuka, atau berhampiran dengan ruangan muatan mana-mana vesel;

(*b*) di dalam atau di luar mana-mana perkarangan di mana suatu tanda "Dilarang Merokok" dipamerkan; atau

(*c*) di atas suatu vesel, selain dari tempat yang ditentukan dan telah disahkan selamat bagi maksud itu atau di atas suatu jeti, dermaga atau pier, di mana kerja-kerja memuat atau memunggah petroleum atau mana-mana barang merbahaya atau mudah terbakar sedang dijalankan.

Pemindahan dari kapal ke kapal.

8. Tiada pemindahan penumpang-penumpang, kargo atau barang-barang dibenarkan di antara vesel-vesel yang sedang berada di tempat berlabuh atau di sepanjang sisi masing-masing tanpa kebenaran bertulis dari Pegawai Pelabuhan yang boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

Meletak kenderaan.

9. (1) Tiada kenderaan boleh menghalang mana-mana jalan atau laluan kumpulan-kumpulan pekerja yang sedang memuat barang-barang ke sesuatu vesel.

(2) Tiada kenderaan boleh diletak di atas mana-mana dermaga, jeti atau tempat pendaratan tanpa kebenaran dari Pegawai Pelabuhan.

(3) Tiada kenderaan boleh ditinggalkan tanpa jagaan di atas perkarangan mana-mana pelabuhan melainkan jika kenderaan itu ditinggalkan di suatu kawasan yang diperuntukkan secara khusus untuk meletakkan kenderaan.

Kenderaan di pelabuhan.

10. (1) Kenderaan-kenderaan boleh dibenarkan berada di dalam kawasan pelabuhan tertakluk kepada pematuhannya terhadap syarat-syarat tertentu yang Pegawai Pelabuhan merasakan patut untuk mengenakannya.

(2) Jika Pegawai Pelabuhan berpendapat bahawa sesuatu kenderaan itu patut diubah dari mana-mana tempat, dia bolehlah mengarahkan orang yang bertanggungjawab atau yang dipercayai bertanggungjawab ke atas kenderaan itu supaya mengubah kenderaan itu dan kengganan untuk mengubah kenderaan tersebut adalah suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(3) Jika tiada orang yang bertanggungjawab atau dipercayai bertanggungjawab ke atas sesuatu kenderaan di pelabuhan, Pegawai Pelabuhan bolehlah mengambil tindakan tertentu yang difikirkannya patut untuk mengubah kenderaan itu dan empunya kenderaan itu hendaklah membayar balik kos pengubahan yang telah ditanggung oleh Pegawai Pelabuhan tersebut.

Perlindungan bagi dermaga, jeti atau tempat pendaratan.

11. Pegawai Pelabuhan bolehlah meminta mana-mana vesel supaya dilengkapkan dan dipasang dengan dapra-dapra, perangkap tikus, penutup-penutup perlepasan dan alat-alat kelengkapan tertentu yang lain yang perlu pada pendapatnya bagi melindungi mana-mana dermaga, jeti atau tempat pendaratan dari kerosakan terhadap dermaga, jeti atau tempat pendaratan tersebut atau bagi keselamatan orang-orang di pelabuhan.

Kelayakan pekerja di pelabuhan.

12. (1) Pegawai Pelabuhan bolehlah menghendaki mana-mana orang yang bekerja di sesuatu pelabuhan supaya mempunyai kelayakan-kelayakan tertentu yang difikirkannya patut bagi maksud menjamin keselamatan sesuatu pelabuhan itu.

(2) Pegawai Pelabuhan bolehlah menghendaki mana-mana orang yang bekerja di atas sesuatu vesel selain dari nakhoda atau anak kapal supaya mempunyai kelayakan atau pengalaman tertentu bagi maksud menjamin keselamatan sesuatu vesel itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Pegawai Pelabuhan tersebut bolehlah membuat rayuan kepada Pengarah Laut untuk dipertimbangkan semula.

Dius pelabuhan.

13. (1) Dius pelabuhan hendaklah dilevi ke atas setiap vesel yang memasuki had kawasan pelabuhan-pelabuhan Negeri Kedah bagi apa-apa maksud kecuali jika ia dikecualikan dan di mana suatu Lembaga Pelabuhan telah tidak ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pelabuhan 1963, dan dius yang kena dibayar adalah dinyatakan dalam Jadual Pertama. *21/63.*

(2) Vesel-vesel berikut hendaklah dikecualikan dari dius pelabuhan:

(*a*) vesel-vesel kepunyaan Kerajaan Malaysia;

(*b*) kapal-kapal perang tidak termasuk kapal-kapal pengangkut tentera;

(*c*) vesel-vesel yang singgah di pelabuhan semata-mata bagi maksud mendapatkan bantuan perubatan, menurunkan orang-orang sakit atau tercedera, atau vesel-vesel yang terpaksa mencari perlindungan oleh sebab kerosakan atau *force majeure;*

(*d*) lancang-lancang peranginan yang kurang dari 15 tan yang didaftar dan digunakan untuk tujuan sedemikian;

70/52. (*e*) vesel-vesel yang dilesenkan di bawah seksyen 475 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (di bawah 20 tan); dan

(*f*) vesel-vesel lain yang dikecualikan oleh Menteri.

Penundaan tongkang dan bantuan kapal tunda dan fee yang patut dikenakan.

14. (1) Penundaan vesel-vesel dan bantuan kapal tunda bagi vesel-vesel yang masuk ke tempat tambatan di pelabuhan-pelabuhan Negeri Kedah bolehlah disediakan oleh Jabatan Laut.

(2) Mana-mana kapal tunda yang hendak menunda tongkang-tongkang ke vesel atau dari vesel, atau yang hendak membantu vesel-vesel masuk ke tempat tambatan, hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Pegawai Pelabuhan dan setiap kebenaran akan tamat tempohnya pada penghujung tiap-tiap tahun.

(3) Fee bagi penggunaan bot-bot tunda Jabatan Laut adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua melainkan jika ditetapkan sebaliknya.

Dius kiratan.

15. (1) Dius kiratan hendaklah dilevi ke atas setiap vesel yang tertambat di jeti-jeti, quay, pier atau dermaga yang di bawah jagaan Jabatan Laut bagi maksud mengerjakan kargo. mengisi semula minyak, air atau bekalan, atau memindahkan kargo melainkan jika dikecualikan, dan dius yang kena dibayar adalah dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Vesel-vesel berikut hendaklah dikecualikan dari dius kiratan:

(*a*) vesel-vesel kepunyaan Kerajaan Malaysia;

(*b*) kapal-kapal perang tidak termasuk kapal-kapal pengangkut tentera; dan

(*c*) vesel-vesel lain yang dikecualikan oleh Menteri.

Fee berikutnya selepas 36 jam.

16. Semua barang-barang dan ternakan yang ditinggalkan di atas jeti, quay, pier atau dermaga yang di bawah jagaan Jabatan Laut bagi tempoh lebih daripada 36 jam hendaklah tertakluk kepada fee tempat simpanan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Kuasa menahan dan menjual.

17. Pegawai Pelabuhan boleh menahan apa-apa barang atau ternakan yang telah dipindahkan ke atas sesuatu jeti, quay, pier atau dermaga yang di bawah jagaan Jabatan Laut, atau yang telah disimpan di situ, dan menjualnya setelah notis yang munasabah diberi dalam apa-apa hal, tidak lebih daripada dua minggu, kepada empunya atau penerima serahan jika fee yang patut dibayar itu tidak dapat diperolehi dengan mudah, dengan syarat bahawa hanya beberapa kuantiti barang-barang atau ternakan sahaja yang boleh dijual yang mencukupi bagi mendapatkan jumlah fee yang patut dibayar.

Kuasa untuk melelong barang-barang.

18. Mana-mana barang, ternakan atau kenderaan yang ditinggalkan di atas sesuatu jeti, quay, pier atau dermaga yang di bawah jagaan Jabatan Laut selama lebih dari satu bulan tanpa dituntut oleh empunya atau penerimanya bolehlah dilelong oleh Pegawai Pelabuhan dan hasil yang diperolehi hendaklah dijadikan hasil.

Bekalan air tawar.

19. Bekalan air tawar ke kapal-kapal dalam had kawasan pelabuhan-pelabuhan Negeri Kedah bolehlah diatur melalui Jabatan Laut dan caj-caj yang kena dibayar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Caj pembuangan sampah.

20. Perkhidmatan pembuangan sampah bolehlah disediakan kepada vesel-vesel dan caj-caj hendaklah dilevi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

Perkhidmatan penambatan dan fee yang patut dikenakan.

